



SIARAN MEDIA

15 NOVEMBER 2017

Suruhanjaya Tenaga

(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussien

Precinct 2

62100, Putrajaya

Malaysia

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

Kaedah-Kaedah Keselamatan Semasa dan Selepas Banjir

Putrajaya, 15 November – Berikutan banjir yang melanda beberapa negeri pada waktu ini, Suruhanjaya Tenaga ingin mengingatkan orang ramai agar mengambil langkah-langkah keselamatan kerana air juga merupakan pengalir elektrik.

Bagi mengelakkan kemalangan elektrik ketika banjir, pengguna diingatkan agar:

Dalam Rumah

- Jangan petik suis dengan tangan yang basah.
- Jangan hidupkan peralatan elektrik sekiranya palam atau soket berada dalam keadaan basah.
- Jangan petik suis semasa berdiri dalam air atau dalam keadaan kaki tidak berkasut/berlapik getah.
- Jangan guna peralatan elektrik yang telah dimasuki air banjir sebelum ini sebelum diperiksa oleh juruelektrik berauliah.
- Jika air banjir memasuki rumah anda, jangan masuk ke dalam bilik yang terdapat peralatan elektrik yang belum dicabut dari soket atau suisnya masih berada dalam posisi. Elakkan juga menghampiri bilik di mana terdapat percikan api keluar dari mana-mana peralatan/pendawaian.

Di Luar Rumah

- Jangan menghampiri kawasan seperti pencawang elektrik atau bilik suis elektrik yang ditenggelami air.
- Jangan menghampiri, mengalih atau membaiki tiang elektrik yang tumbang atau taliannya yang putus atau yang jatuh di atas tanah.

- Elakkan menguji sama ada talian elektrik yang putus itu masih hidup atau tidak.
- Elakkan memijak atau memandu kenderaan di atas lopak air berhampiran dengan talian elektrik yang putus atau jatuh.
- Anggap semua peralatan elektrik masih hidup dan merbahaya.

Antara kaedah keselamatan elektrik semasa banjir surut:

- Rujuk pihak utiliti untuk mengetahui status penyambungan bekalan elektrik.
- Sekiranya bekalan masih belum disambung, pastikan suis utama di papan agihan ditutup sebelum membersihkan peralatan elektrik atau pendawaian rumah, untuk mengelakkan renjatan apabila pihak utiliti menyambung semula bekalan.
- Pastikan peralatan elektrik dikeringkan terlebih dahulu atau diperiksa, dibaiki atau diuji keselamatannya oleh juruelektrik bertauliah.
- Sekiranya meragui keselamatan peralatan tersebut, hantar untuk pemeriksaan oleh juruelektrik bertauliah.
- Sebelum menghidupkan semula suis utama pada papan agihan, pastikan pendawaian dan pembumian rumah diperiksa, dibaiki dan diuji oleh kontraktor elektrik dan disahkan selamat oleh pendawai elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliatu Mali

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603 8870 8500 / +603 8870 8554 / +603 8870 8598

Hp: +6013 2183778 (Zairulliatu)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/zairulliatu@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. ST memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.